



KETUA PENGARAH KERJA RAYA

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 17 (4)

Tarikh : 7 Jun 2019

Semua Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah/ Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas
Pengarah JKR KESEDAR
Pengarah JKR KETENGAH
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 17 / 2019

PEMAKAIAN DOKUMEN *GOVERNMENT BUILDING SCHEDULED MAINTENANCE GUIDELINES* (GBSMG) GARIS PANDUAN PENYENGGARAAN BERJADUAL BANGUNAN KERAJAAN (GPPBBK)

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) sebagai rujukan jabatan-jabatan Kerajaan dalam merancang, mengurus dan mengawalselia penyenggaraan bangunan-bangunan Kerajaan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) merupakan penambahbaikan kepada Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (Versi 2008) sedia ada. Ia mengambil kira kesemua keperluan operasi dan penyenggaraan bangunan Kerajaan serta perubahan teknologi pembinaan dan sistem dalam bangunan.

1/5

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur


Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0261



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO.: SR 0802



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: EnR 0013

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 17 (4)

Tarikh : 7 Jun 2019

2.2 Dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) JKR Malaysia Bil. 2/2019 pada 12 April 2019.

2.3 Antara matlamat penambahbaikan yang telah dibuat di dalam dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) adalah seperti berikut:

2.4.1 Menyediakan satu (1) set jadual aktiviti operasi dan penyenggaraan secara komprehensif;

2.4.2 Memastikan operasi dan penyenggaraan bangunan-bangunan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih sistematik dan teratur; dan

2.4.3 mengekalkan aset Kerajaan dalam keadaan yang lebih baik melalui penyenggaraan berjadual/ berkala, pembaikan dan penggantian berdasarkan keadaan semasa aset.

3.0 SKOP PENGGUNAAN

3.1 Dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) ini menerangkan jadual penyenggaraan bagi lapan (8) skop kerja seperti berikut:

3.1.1 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Sivil, Struktur dan Senibina;

3.1.2 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Pembersihan Bangunan (*Housekeeping*);

3.1.3 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Dobi (*Laundry*);

3.1.4 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Kawalan Mahluk Perosak (*Pest Control*);

3.1.5 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Landskap;

3.1.6 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Mekanikal;

3.1.7 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Elektrikal; dan

3.1.8 Penyenggaraan Berjadual Perkhidmatan Sistem Cekap Tenaga

4.0 PEMAKAIAN DOKUMEN

4.1 Dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) akan diguna pakai sebagai:

4.1.1 Rujukan dalam penyediaan skop kerja dan jadual penyenggaraan oleh jabatan-jabatan Kerajaan;

4.1.2 Rujukan kepada Jurutera Fasiliti/ Pegawai Operasi Fasiliti dalam merancang dan menyediakan bajet operasi dan penyenggaraan;

4.1.3 Rujukan kepada Penyelia Penyenggaraan dalam pemantauan kerja operasi dan penyenggaraan; dan

4.1.4 Rujukan dalam penyediaan senarai semak pengauditan penyenggaraan.

4.2 Dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) ini boleh diguna pakai oleh semua jabatan Kerajaan sebagai lampiran kepada Kontrak Pengurusan Penyenggaraan atau Pengurusan Fasiliti sedia ada.

4.3 Sebarang pertanyaan berhubung Dokumen *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (GPPBBK) boleh dirujuk kepada:

Pengarah Kanan
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur
(u.p. Unit Perunding Pengurusan Fasiliti,
Bahagian Perundingan Pengurusan Aset)

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 17 (4)

Tarikh : 27 Jun 2019

5.0 KUAT KUASA

- 5.1 Dengan berkuatkuasanya arahan ini, Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (Versi 2008) yang diguna pakai tanpa melalui Surat Arahan KPKR adalah DIBATALKAN.
- 5.2 Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' Ir. Dr. MEOR ABDUL AZIZ B. HJ OSMAN)

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 17 (4)

Tarikh : 21 Jun 2019

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat